

24 MAR 2002

Aziz-Siva

PENGASINGAN SEKOLAH : TINDAKAN TATA TERTIB JIKA SIVA TERUS BERDEGIL

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan terhadap setiausaha agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Datuk N. Siva Subramaniam jika beliau terus membuat dakwaan kononnya berlaku pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata jika pemimpin NUTP itu masih berdegil, itu hanya menunjukkan kesatuan berkenaan tidak mempunyai niat yang baik.

"Jadi orang yang tidak ada niat baik, merosakkan...tentu ada tindakan tertentu," katanya tanpa mengulas lanjut bentuk tindakan yang boleh dikenakan.

Abdul Aziz, antara kenamaan yang berada di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang di sini untuk menyambut kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari lawatan ke Rusia, Jerman dan Poland, ditanya pemberita sama ada tindakan tatatertib akan dikenakan kepada Siva Subramaniam setelah dakwaannya mengenai amalan pengasingan murid itu terbukti tidak berasas.

Abdul Aziz berkata NUTP perlu faham bahawa banyak wang, masa dan tenaga dikeluarkan bagi kegunaan jawatankuasa bebas yang mengkaji dakwaan NUTP itu dan mendapatinya sebagai tidak berasas.

Beliau berkata NUTP mungkin tersalah faham, kerana apabila mereka melakukan lawatan ke sekolah yang didakwa melakukan pengasingan itu, pelajar diasingkan ketika mata pelajaran tertentu seperti agama Islam diajar.

Bagaimanapun, katanya, jika NUTP masih meneruskan tuduhannya ia akan menggugat perpaduan kaum.

Ditanya sama ada Siva Subramaniam perlu memohon maaf berhubung dakwaannya itu, Abdul Aziz berkata : "Dia telah menimbulkan rasa kecewa dan tidak senang di kalangan guru-guru di 210 sekolah.

"Wajarkah bagi kesatuan ini terus bersikap angkuh dan membiarkan murid-murid di semua sekolah yang berkenaan menerima kesan daripada rasa tidak puas hati guru mereka?"

--BERNAMA

MAD RV MAI